




KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

PANDUAN

KETUA PEGAWAI DIGITAL
(CHIEF DIGITAL OFFICER, CDO)

SEKTOR AWAM



KEMENTERIAN DIGITAL
JABATAN DIGITAL NEGARA

PANDUAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CHIEF DIGITAL OFFICER, CDO) SEKTOR AWAM

Jabatan Digital Negara
Kementerian Digital Negara

Terbitan Mei 2025

ISI KANDUNGAN

SENARAI AKRONIM	2
PRAKATA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DIGITAL	3
PRAKATA KETUA PENGARAH JABATAN DIGITAL NEGARA	4
1.0 PENDAHULUAN	5
2.0 PEMANTAPAN PERANAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CHIEF DIGITAL OFFICER, CDO)	7
2.1 PERANAN CDO	7
2.2 CIRI-CIRI CDO	9
2.3 PROGRAM CDO	10
3.0 PEMANTAPAN PENGURUSAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CHIEF DIGITAL OFFICER, CDO)	13
3.1 PROSES PELANTIKAN CDO	13
3.2 KRITERIA PELANTIKAN CDO	14
4.0 PENUTUP	17
Lampiran A	18
Lampiran B	19

SENARAI AKRONIM

AKRONIM	CATATAN
BBN	Badan Berkanun Negeri
BBP	Badan Berkanun Persekutuan
CDO	Chief Digital Officer (Ketua Pegawai Digital)
CIO	Chief Information Officer (Ketua Pegawai Maklumat)
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JDN	Jabatan Digital Negara
JPICT	Jawatankuasa Pemandu ICT
KD	Kementerian Digital
KSN	Ketua Setiausaha Negara
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
PAN	Perkhidmatan Awam Negeri
PAP	Perkhidmatan Awam Persekutuan
PSP	Pelan Strategik Pendigitalan
PSUK	Pejabat Setiausaha Kerajaan
RTEDM	Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia
SUB	Setiausaha Bahagian
TKP	Timbalan Ketua Pengarah
TKSU	Timbalan Ketua Setiausaha

PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DIGITAL



YBhg. Tuan Fabian Bigar

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Kerajaan pada masa kini melaksanakan pelbagai usaha bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kerajaan terutamanya perkhidmatan digital. Transformasi digital menjadi tonggak utama yang membawa kerajaan ke tahap yang lebih tinggi, menjadikan kerajaan lebih responsif, efisien, dan relevan bagi mendepani cabaran serta peluang dalam kerancakan ekonomi digital pada hari ini.

Peranan Ketua Pegawai Digital (Chief Digital Officer, CDO), adalah penting dalam memanfaatkan teknologi digital bagi meningkatkan kecekapan operasi dan memperkukuhkan hubungan dengan pelanggan serta menjadikan pengalaman mereka lebih lancar dan bermakna. Sebagai CDO, adalah penting untuk memastikan setiap inisiatif pendigitalan dan inovasi yang dilaksanakan selaras dengan matlamat strategik kerajaan.

Transformasi digital ini memerlukan kerjasama erat semua pihak bagi mengatasi pelbagai cabaran dan seterusnya meraih kejayaan yang membanggakan. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada semua yang telah memberikan sokongan dan komitmen dalam menjayakan inisiatif pendigitalan ini. Marilah kita terus bersama-sama membina masa depan digital yang lebih cerah dan gemilang.

Sekian, terima kasih.

Fabian Bigar

PRAKATA

KETUA PENGARAH JABATAN DIGITAL NEGARA

**Assalamualaikum,
Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia MADANI**

Dalam era digital yang terus berkembang pesat ini, transformasi digital bukan lagi sekadar pilihan namun merupakan keperluan untuk memastikan keberlangsungan dan kemajuan organisasi. Ketua Pegawai Digital (Chief Digital Officer, CDO) memainkan peranan sebagai peneraju utama

dalam memacu perubahan digital yang menyeluruh, memperkenalkan teknologi terkini dan membina strategi digital yang menyokong visi serta misi organisasi. Selain itu, CDO juga bertanggungjawab mentransformasikan penyampaian perkhidmatan digital agensi masing-masing berfokuskan pengalaman pelanggan dan berkonsepkan keseluruhan kerajaan (Whole-of-Government, WOG).

Seiring dengan itu, CDO dilihat mampu mencipta nilai yang berterusan kepada pihak yang berkepentingan. Pencapaian dalam usaha pendigitalan ini meningkatkan kesiapsiagaan CDO sebagai barisan hadapan dalam mencetuskan minda digital dan transformasi kepada perkhidmatan digital di agensi masing-masing.

Untuk itu, Panduan Ketua Pegawai Digital (Chief Digital Officer, CDO) ini disediakan bertujuan membantu CDO di sektor awam memahami tugas dan peranan masing-masing sebagai peneraju pendigitalan di agensi masing-masing. Dokumen ini merangkumi beberapa aspek penting yang merangkumi pementapan peranan dan pengurusan CDO Sektor Awam. Pembangunan dokumen ini juga menyokong aspirasi Anjakan Strategi Digital First yang diperkenalkan oleh JDN pada Jun 2024.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada seluruh pasukan yang terlibat atas sokongan dan dedikasi mereka dalam merealisasikan pembangunan dokumen ini. Untuk semua agensi sektor awam, teruskan usaha dalam menerajui perubahan yang akan membentuk masa depan yang lebih cemerlang melalui pengukuhan fungsi dan peranan CDO ini.

Sekian, terima kasih.

Datuk Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar



YBhg. Datuk Ts. Dr. Fazidah binti Abu Bakar

1.0 PENDAHULUAN

Dalam landskap kerajaan yang semakin kompetitif dan dinamik, transformasi pendigitalan menjadi semakin penting kerana teknologi digital dilihat bukan sahaja mampu mengubah cara organisasi beroperasi, tetapi juga memberi impak besar terhadap budaya kerja dan cara berinteraksi bersama pelanggan. Transformasi pendigitalan amat signifikan dalam memastikan kerajaan kekal relevan, berdaya saing dan cekap dalam era pendigitalan yang makin pesat ini. Ia membantu memacu inovasi, memodenkan pengurusan perkhidmatan awam serta menjadikan kerajaan lebih responsif kepada cabaran era digital serta permintaan rakyat yang semakin mencabar. Transformasi ini bukan sekadar penerapan kepada teknologi baharu, tetapi melibatkan pembentukan semula budaya organisasi, memperkenalkan cara kerja yang lebih inovatif, dan meletakkan pelanggan sebagai teras dalam setiap keputusan yang dibuat.

Transformasi pendigitalan kerajaan berfokuskan pendekatan keseluruhan kerajaan (Whole-of-Government, WoG) yang merupakan pendekatan keseluruhan kerajaan yang dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui perkhidmatan digital kerajaan yang lebih bersepadu. Pendekatan WoG dilaksanakan secara sektoral bagi mewujudkan jaringan kolaborasi strategik yang mantap dalam kalangan Agensi Sektor Awam. Enam sektor yang telah ditetapkan ialah Sektor Pentadbiran Awam, Sektor Ekonomi, Sektor Infrastruktur, Sektor Keselamatan, Sektor Sosial 1 (Masyarakat) dan Sektor Sosial 2 (Bakat). Pendekatan secara sektoral ini dapat mengukuhkan keupayaan perkhidmatan digital kerajaan dan pengoptimuman kapasiti sumber dan infrastruktur digital dalam kalangan Sektor Awam.

Seiring dengan itu, kepimpinan organisasi sektor awam dilihat memainkan peranan utama dalam kejayaan transformasi pendigitalan kerajaan. Perubahan drastik pendigitalan ini memerlukan corak kepimpinan yang berani, visi yang jelas, dan kerjasama erat di semua peringkat sektor awam. Pemimpin digital yang berwawasan dan proaktif dapat memandu kerajaan melalui proses perubahan ini dengan memastikan penggunaan teknologi digital bukan sahaja meningkatkan kecekapan tetapi juga menambahbaik perkhidmatan dan memperkukuh daya saing negara.

Kepimpinan digital sektor awam telah dilihat seawal tahun 2000 di mana Ketua Pegawai Maklumat (Chief Information Officer, CIO) telah dilantik melalui Surat Arahan Penamaan CIO Sektor Awam oleh Ketua Setiausaha Negara pada 22 Mac 2000. Peranan CIO pada masa itu adalah bagi menentukan strategi dalam mencapai visi dan objektif pembangunan dan penggunaan ICT di agensi masing-masing. Pada tahun 2022, seiring dengan transformasi pendigitalan yang dinyatakan di dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital (RTEDM), semua CIO di agensi ditransformasikan kepada Ketua Pegawai Digital (Chief Digital Officer, CDO) dengan pemantapan kepada peranan CIO. Pelantikan CDO di sektor awam menjadi pemangkin perubahan bagi menghadapi transformasi ini dengan pendekatan yang strategik dan berkesan dalam meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

Kini, peranan dan pengurusan CDO agensi perlu diperkemas untuk memastikan keberkesanan dalam menerajui transformasi digital sektor awam. Ini selaras dengan kenyataan Menteri Digital, YB Tuan Gobind Singh Deo, di mana sikap keterbukaan dan minda digital perlu diamalkan di semua peringkat dalam perkhidmatan awam bagi melonjakkan tenaga kerja sedia ada serta menjayakan Pelan Pendigitalan Negara secara holistik. Kenyataan dan tindakan kerajaan menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap transformasi digital, dengan CDO memainkan peranan strategik dalam memastikan kejayaannya di seluruh sektor awam. Sehubungan itu, Panduan Ketua Pegawai Digital (Chief Digital Officer, CDO) disediakan bertujuan sebagai panduan dan rujukan kepada CDO di sektor awam bagi memperkasakan tugas masing-masing dalam menjayakan agenda pendigitalan negara. Dokumen ini merangkumi beberapa aspek penting dalam memantapkan peranan dan pengurusan CDO termasuk melalui peranan dan keterangan peranan CDO, ciri-ciri dan program CDO serta proses dan kriteria pelantikan CDO. Gambaran ringkas keseluruhan panduan adalah seperti **Lampiran A**.

2.0 PEMANTAPAN PERANAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CHIEF DIGITAL OFFICER,CDO)

Peranan CDO yang berkesan dapat menyokong hasrat kerajaan dalam memacu transformasi digital sesebuah organisasi. Dengan kepimpinan yang mantap, CDO tidak hanya mengoptimumkan kecekapan, tetapi juga mencipta peluang baharu bagi meningkatkan nilai dan daya saing organisasi dalam pasaran yang semakin kompetitif.

2.1 PERANAN CDO

Semasa pelantikan CDO bermula pada tahun 2022 oleh MAMPU, CDO sektor awam telah disediakan dengan senarai peranan sebagai panduan dalam melaksana usaha memacu transformasi pendigitalan sektor awam. Seiring dengan transformasi MAMPU kepada Jabatan Digital Negara (JDN) dan GovTech yang berkonsepkan pendekatan menyeluruh kerajaan (WOG), JDN telah menambah baik dan mengemas kini peranan CDO supaya ia lebih jelas dan menyeluruh dalam menyokong usaha pendigitalan ke arah kerajaan digital.

Secara umumnya, tiga (3) peranan utama CDO adalah seperti berikut :

- a) **Meneraju inisiatif pendigitalan** dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang memenuhi keperluan dan pengalaman rakyat, selamat, efisien, cerdas dan dipercayai.
- b) **Meneraju perubahan pendigitalan** melalui penggunaan data dan teknologi selaras dengan dasar/pelan semasa kerajaan.
- c) **Menganggotai dan melaporkan** pelaksanaan pendigitalan kepada tadbir urus yang berkaitan.

Dalam melaksanakan peranan tersebut, terdapat beberapa tanggungjawab penting yang berkaitan perlu turut diambil kira. Oleh itu, keterangan terperinci dalam membantu CDO memahami peranan masing-masing adalah seperti berikut :

- a) **Meneraju inisiatif pendigitalan** dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang memenuhi keperluan dan pengalaman rakyat, selamat, efisien, cerdas dan dipercayai.
 - i. **Memacu hala tuju pendigitalan** berdasarkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) di kementerian/jabatan/agensi melalui budaya berpacuan data, berpaksikan rakyat dan reka bentuk perkhidmatan berteraskan keselamatan.
 - ii. **Mentransformasi penyampaian perkhidmatan digital** di kementerian/jabatan/agensi berfokuskan pengalaman pelanggan (customer experience) yang berteraskan **pendekatan keseluruhan kerajaan (Whole-of-Government)** melalui inovasi melibatkan perkongsian data, data terbuka dan teknologi memuncul.
 - iii. **Merancang dan menyelaras pelan tindakan keselamatan siber** bagi memastikan data dan infrastruktur ICT agensi sentiasa dilindungi dari ancaman dalam dan luar.
 - iv. **Merancang dan menilai** keperluan perkhidmatan digital, reka bentuk perkhidmatan dan bajet pembangunan serta bajet mengurus yang diperlukan.
- b) **Meneraju perubahan pendigitalan** melalui penggunaan data dan teknologi selaras dengan dasar/pelan semasa kerajaan.
 - i. **Merancang dan memastikan pelaksanaan perubahan pendigitalan** adalah selaras dengan dasar/pelan semasa Kerajaan yang **dijajarkan** kepada PSP kementerian/jabatan/agensi.

- ii. **Mewujudkan persekitaran dan pembudayaan digital** di kementerian/ jabatan/agensi bagi meningkatkan literasi digital dan pemahaman tentang penggunaan teknologi ke arah memperkasa penyampaian perkhidmatan kerajaan digital.
- c) **Menganggotai dan melaporkan** pelaksanaan pendigitalan kepada tadbir urus yang berkaitan.
 - i. **Menganggotai jawatankuasa** dengan melaksana peranan berdasarkan terma rujukan jawatankuasa berkaitan mengikut pekeliling yang berkuat kuasa.
 - ii. **Melaporkan pelaksanaan dan status kemajuan** transformasi pendigitalan kepada tadbir urus pendigitalan yang berkaitan seperti JP ICT kementerian/jabatan/agensi dan Mesyuarat Kerajaan Digital.

Peranan CDO adalah penting dalam memacu transformasi digital organisasi. CDO bukan sahaja bertanggungjawab merancang dan melaksanakan strategi digital yang inovatif, tetapi juga memastikan integrasi teknologi terkini dalam operasi harian dan memimpin perubahan budaya organisasi ke arah pemikiran dan pembudayaan digital. Dengan kepimpinan yang mantap, CDO dapat mengoptimumkan kecekapan serta mencipta peluang baharu, yang secara keseluruhannya dapat meningkatkan nilai dan daya saing organisasi dalam pasaran yang semakin kompetitif.

2.2 CIRI-CIRI CDO

Bagi melaksanakan peranan sebagai CDO, penguasaan ciri-ciri dari aspek teknologi serta ciri-ciri kepimpinan digital adalah suatu keperluan untuk memastikan kejayaan transformasi digital dalam sektor awam. Ciri-ciri utama yang perlu dimiliki oleh CDO adalah seperti berikut:

a) **PEMIMPIN (LEADER)**

Berupaya mengetuai dan memimpin organisasi dalam memperkembangkan proses perkhidmatan dalaman atau proses yang merentas agensi dalam melaksanakan transformasi pendigitalan yang selari dengan hala tuju kerajaan.

b) BERWAWASAN (VISIONARY)

Mempunyai pemikiran strategik (outward looking, global dan futuristic), untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan melalui inovasi pendigitalan.

c) PENGGERAK (DRIVER)

Menjadi penggerak dan pendorong bagi inisiatif pendigitalan melalui perancangan strategik, pemantapan tadbir urus serta pewujudan budaya berasaskan digital dan data.

d) LITERASI DIGITAL (DIGITAL LITERACY)

Memahami keupayaan teknologi bagi melaksanakan perubahan yang dirancang.

e) MEMPENGARUHI (INFLUENTIAL)

Mempunyai kebolehan berkomunikasi sebagai agen perubahan untuk mempengaruhi dan mendapatkan komitmen pihak atasan serta pihak berkepentingan yang lain.

2.3 PROGRAM CDO

Bagi memperkasakan peranan dan meningkatkan kemahiran serta pengetahuan CDO, terdapat beberapa program yang disusun untuk disertai oleh CDO. Program tersebut terdiri daripada program libat urus dan kompetensi CDO. Program libat urus ini bertujuan untuk meningkatkan keterlibatan dan kolaborasi CDO di peringkat sektor awam. Manakala, program kompetensi yang dicadangkan pula bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran digital di kalangan CDO.

Program libat urus merupakan program yang dianjurkan oleh JDN di mana penyertaan CDO adalah melalui jemputan. Manakala, program kompetensi pula merupakan program latihan atau perkongsian ilmu dalam bentuk kursus, persidangan, seminar dan sebagainya yang perlu dihadiri oleh CDO melalui jemputan khusus dari agensi penganjur atau CDO memohon sendiri melalui

penganjur dalam atau luar negara. CDO perlu mengemukakan laporan kepada JDN berkenaan program libat urus dan kompetensi yang telah dihadiri secara tahunan.

Antara program yang disusun bagi libat urus dan kompetensi CDO adalah seperti berikut:

BIL.	PROGRAM	TUJUAN	ANJURAN
PROGRAM LIBAT URUS			
Dihadiri oleh CDO mengikut keperluan dan jadual perancangan penganjur			
a)	Libat urus CDO bersama Pengurusan Tertinggi KD/JDN	i. Sesi kesedaran berkaitan dasar/pekeliling pendigitalan. ii. Perbincangan isu pendigitalan dan kerjasama antara CDO dengan agensi KD yang diperlukan.	JDN
b)	Sesi CDO bersama Pemilik Projek	Aktiviti promosi pelaksanaan/peluasan pelaksanaan inisiatif pendigitalan di kementerian/agensi.	JDN

BIL.	PROGRAM	TUJUAN	ANJURAN
PROGRAM KOMPETENSI			
Dihadiri oleh CDO sekurang-kurangnya 2 kali setahun mengikut tawaran penganjur/ permohonan sendiri.			
c)	Kursus/Bengkel/ Technology Update (TU) berkaitan pendigitalan, kepimpinan digital, keselamatan atau lain-lain bidang digital	Mewujudkan minda digital bagi CDO serta melengkapkan CDO dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memimpin dan memacu perubahan digital dalam organisasi, demi mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan awam.	KD/JDN/INTAN/ Penganjur lain dalam atau luar negara
d)	Persidangan/ Seminar/ Simposium/ Forum berkaitan pendigitalan dalam atau luar negara		

Program ini bertujuan untuk menyediakan CDO dengan kemahiran dan pengetahuan terkini dalam menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi dan merangka strategi yang berkesan. Dengan pendekatan yang lebih proaktif dan kreatif, CDO diharapkan dapat memimpin organisasi dengan berkesan, mendorong inovasi, serta mengatasi pelbagai cabaran yang mendatang.

3.0 PEMANTAPAN PENGURUSAN KETUA PEGAWAI DIGITAL (CHIEF DIGITAL OFFICER, CDO)

Seiring dengan ketetapan yang dinyatakan dalam RTEDM, semua CIO telah ditransformasikan kepada CDO. Pelantikan CDO adalah melalui penamaan oleh kementerian/jabatan/agensi dan seterusnya surat pelantikan dikeluarkan oleh MAMPU dan kini oleh JDN. Selain pemantapan peranan CDO dalam memperkukuhkan kepimpinan dan keberkesanan pelantikan CDO ini, aspek pengurusan CDO juga diperkemaskan supaya lebih efisien. Perkara berkaitan pengurusan CDO yang terlibat adalah termasuk proses pelantikan dan kriteria pelantikan CDO.

3.1 PROSES PELANTIKAN CDO

Pelantikan CDO yang bersesuaian dan terancang ialah kunci kepada kejayaan dalam usaha pendigitalan dan strategi jangka panjang organisasi. Sehubungan itu, proses pelantikan CDO dimantapkan bagi memastikan pelantikan CDO dapat dijalankan dengan lebih cekap, telus, dan menyeluruh secara dalam talian sepenuhnya (end-to-end). Pendekatan yang ditambah baik ini memastikan bahawa setiap fasa pelantikan, daripada perancangan hingga pelaksanaan, diselaraskan dengan keperluan semasa organisasi, seterusnya memastikan pemimpin digital yang dilantik mampu memacu inovasi dan memperkukuh daya saing dalam persekitaran yang dinamik.

Pada masa ini, pelantikan CDO dilaksanakan oleh agensi melalui Borang Maklumat CDO Sektor Awam. Borang ini digunakan bagi pelantikan CDO yang baharu apabila CDO sedia ada bertukar, berpindah atau bersara. Proses pelantikan CDO diuruskan oleh bahagian/unit ICT agensi yang mana borang ini kemudiannya dihantar ke Jabatan Digital Negara bagi pengeluaran surat pelantikan secara manual dan pengemaskinian maklumat CDO dalam sistem. Bagi memastikan mekanisme pelantikan CDO lebih cekap dan lancar, proses pelantikan CDO telah ditambah baik yang meliputi perkara berikut:

- a) Agensi mengenal pasti dan menamakan CDO berdasarkan kriteria yang ditetapkan.

- b) Agensi melalui bahagian/ unit ICT melengkapkan Borang Penamaan CDO Sektor Awam seperti **Lampiran B** yang ditandatangani oleh CDO sendiri atau pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menandatangani borang tersebut. Maklumat CDO yang telah dinamakan dikemaskini ke dalam sistem yang dibangunkan oleh JDN.
- c) JDN mengesahkan pelantikan melalui sistem.
- d) Agensi menjana surat pelantikan daripada sistem. E-mel notifikasi pemakluman kepada CDO akan dihantar oleh sistem.
- e) Agensi boleh memaparkan laporan dan papan pemuka (dashboard) bagi melihat maklumat CDO kementerian dan jabatan di bawah seliaannya.

(Nota: Pada masa ini, pihak Jabatan Digital Negara (JDN) sedang membangunkan sistem maklumat khusus bagi pengurusan pemimpin digital termasuk CDO. Sehubungan itu, proses penamaan dan pelantikan CDO akan dijalankan secara manual seperti sedia ada sehingga pelaksanaan sistem tersebut dimaklumkan oleh JDN).

3.2 KRITERIA PELANTIKAN CDO

Dalam usaha memperkukuh kepimpinan digital dan memastikan keseragaman pelantikan CDO di semua agensi, JDN telah menyediakan kriteria pelantikan sebagai panduan. Kriteria ini dirangka berdasarkan dua (2) komponen utama iaitu **kategori agensi CDO** dan **kategori jawatan CDO** yang dilantik. Ia bertujuan memastikan bahawa setiap CDO dilantik adalah mengikut keperluan agensi dan gred jawatan yang tepat, sesuai dengan matlamat untuk menjamin keberkesanan transformasi digital sektor awam. Setiap komponen dihuraikan secara terperinci untuk memastikan pelantikan CDO dilakukan secara bersesuaian dan berstruktur, selaras dengan keperluan serta kapasiti setiap agensi.

Kategori Agensi CDO

- a) Agensi di bawah **salah satu kategori** berikut perlu melantik CDO iaitu :
- i. **Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP)** iaitu kementerian, agensi dan bahagian yang **diiktiraf sebagai agensi rasmi oleh JPA**; atau
 - ii. **Badan Berkanun Persekutuan (BBP)** termasuk IPTA dan kecuali **BBP Diasingkan Saraan**; atau
 - iii. **Perkhidmatan Awam Negeri (PAN)** iaitu PSUK sahaja. Agensi lain seperti Pejabat Daerah, Majlis Daerah dan Majlis Agama Islam Negeri tiada keperluan untuk melantik CDO kerana hala tuju pendigitalan adalah di bawah tanggungjawab SUK Negeri. Walau bagaimanapun PSUK boleh melantik CDO di bawah agensi tersebut di bawah pemantauan PSUK masing-masing dan panduan ini boleh digunakan sebagai rujukan.
- b) Agensi yang menepati salah satu kategori di atas juga perlu memenuhi **semua** keperluan berikut:
- i. Mempunyai Bahagian/Unit ICT;
 - ii. Mempunyai Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) sendiri atau bersekali dengan kementerian; dan
 - iii. Menguruskan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) sendiri atau diuruskan oleh kementerian.

Kategori Jawatan CDO

Berdasarkan pelantikan CIO pada tahun 2000, kebanyakan CIO yang dilantik merupakan TKSU atau TKP kementerian/agensi. Sehubungan itu, bertepatan dengan peranan CDO yang bertanggungjawab menentukan hala tuju pendigitalan agensi, kategori jawatan tersebut dijelaskan seperti berikut :

- a) CDO yang dilantik merupakan :
- i. Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU)/ Setiausaha Bahagian Kanan bagi kementerian; atau
 - ii. Timbalan Ketua Pengarah (TKP)/ yang setaraf bagi jabatan/agensi; atau
 - iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan (TSUK) bagi PSUK Negeri

yang bertanggungjawab menentukan hala tuju pendigitalan agensi dan terlibat dengan pendigitalan di agensi termasuk mengetuai Bahagian Teknologi Maklumat dan merupakan Pengerusi atau Ahli kepada JPIC Agensi.

Secara keseluruhannya, pelantikan CDO yang berlandaskan kriteria yang jelas dan tersusun adalah penting untuk memperkukuh transformasi digital di sektor awam. Dengan panduan kriteria yang disediakan oleh JDN ini, kementerian dan agensi dapat memastikan bahawa CDO yang dilantik dapat membawa peranan dan tanggungjawab serta visi digital yang inovatif dan berkesan.

4.0 PENUTUP

Panduan Ketua Pegawai Digital ini diharapkan dapat menjadi rujukan yang bermanfaat bagi semua CDO dalam sektor awam. Dengan panduan yang jelas, diharapkan CDO bersedia melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan dan efisien dalam memacu inisiatif pendigitalan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran semasa. Selain itu, dengan panduan ini juga mampu menjadikan kaedah pengurusan CDO semakin cekap dan sistematik.

Dalam menghadapi era digital yang sentiasa berubah, peranan CDO menjadi semakin kritikal. CDO tidak hanya bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan strategi digital, tetapi juga perlu memimpin perubahan budaya organisasi ke arah pemikiran digital yang lebih inovatif. Adalah penting bagi CDO untuk sentiasa mengemas kini kemahiran dan pengetahuan mereka. Dengan peningkatan tahap kompetensi digital, kita dapat memastikan bahawa sektor awam bersedia untuk menangani cabaran masa depan dengan lebih baik dan memberikan perkhidmatan yang lebih efektif kepada rakyat.

Akhir sekali, dengan kerjasama dan usaha berterusan daripada semua pihak, sektor awam mampu menjadi peneraju dalam transformasi digital dan seterusnya mencapai hasrat kerajaan ke arah negara digital. Dengan mengambil langkah proaktif dan strategik, perkhidmatan awam yang berkualiti tinggi dapat disediakan kepada rakyat, memastikan kesejahteraan sejagat dan kemajuan negara dicapai.

LAMPIRAN A

GAMBARAN KESELURUHAN PANDUAN KETUA PEGAWAI DIGITAL

PEMANTAPAN PERANAN CDO

► PERANAN CDO

<p>a.</p> <p>Meneraju inisiatif pendigitalan dalam menyediakan penyampaian perkhidmatan yang memenuhi keperluan dan pengalaman rakyat, selamat, efisien, cerdas dan dipercayai.</p>	<p>b.</p> <p>Meneraju perubahan pendigitalan melalui penggunaan data dan teknologi selaras dengan dasar/pelan semasa kerajaan.</p>	<p>c.</p> <p>Menganggotai dan melaporkan pelaksanaan pendigitalan kepada tadbir urus yang berkaitan.</p>
---	--	--

► CIRI-CIRI CDO

a. Pemimpin (Leader)	b. Berwawasan (Visionary)	c. Penggerak (Driver)	d. Literasi Digital (Digital Literacy)	e. Mempengaruhi (Influential)
----------------------	---------------------------	-----------------------	--	-------------------------------

► PROGRAM CDO

- Program Libat Urus bersama Pengurusan Tertinggi KD/JDN atau pemilik projek - dihadiri oleh CDO mengikut keperluan dan jadual perancangan penganjur.
- Program Kompetensi - Kursus/Bengkel/Technology Update (TU)/Persidangan/ Simposium/ Seminar/ Forum anjuran KD/JDN/INTAN/ agensi lain - dihadiri oleh CDO sekurang-kurangnya 2 kali setahun mengikut permohonan CDO/ tawaran penganjur.
- CDO mengemukakan laporan kehadiran program CDO ke JDN secara tahunan.

PEMANTAPAN PENGURUSAN CDO

► PROSES PELANTIKAN CDO

- Agensi mengenal pasti dan menamakan CDO berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
- Agensi melalui bahagian/unit ICT melengkapkan Borang Penamaan CDO Sektor Awam yang ditandatangani oleh CDO sendiri atau pegawai yang diberi tanggungjawab menandatangani. Maklumat CDO yang telah dinamakan dikemaskini ke dalam sistem yang dibangunkan oleh JDN.
- JDN mengesahkan pelantikan melalui sistem.
- Agensi menjana surat pelantikan daripada sistem. E-mel notifikasi kepada CDO akan dihantar oleh sistem.
- Agensi boleh memaparkan laporan dan dashboard bagi melihat maklumat CDO Kementerian dan jabatan di bawah seliaannya.

► KRITERIA PELANTIKAN CDO

1) Kategori Agensi CDO

Agensi di bawah salah satu kategori berikut perlu melantik CDO:

- Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP) iaitu Kementerian, agensi dan bahagian yang diiktiraf sebagai agensi rasmi oleh JPA.
- Badan Berkanun Persekutuan (BBP) termasuk IPTA dan kecuali BBP telah Diasingkan Saraan.
- Perkhidmatan Awam Negeri (PAN) iaitu PSUK sahaja.

Agensi tersebut juga memenuhi keperluan berikut:

- Mempunyai Bahagian/Unit ICT
- Mempunyai Pelan Strategik Pendigitalan sendiri atau bersekali dengan Kementerian
- Menguruskan Jawatankuasa Pemandu ICT sendiri atau diuruskan oleh Kementerian.

2) Kategori Jawatan CDO

Merupakan TKSU atau SUB(K) atau TKP/setaraf atau TSUK Negeri yang bertanggungjawab menentukan hala tuju pendigitalan agensi.

LAMPIRAN B

**BORANG PENAMAAN
KETUA PEGAWAI DIGITAL (CDO) SEKTOR AWAM****BUTIRAN PENAMAAN:**

Nama Kementerian :
Nama Jabatan /Agensi :
Nama CDO :
No. Kad Pengenalan :
Jawatan :
Gelaran Jawatan :
Skim Perkhidmatan/Gred :
Nombor Telefon Pejabat :
Nombor Telefon Bimbit :
E-mel Rasmi :

PENGESAHAN: (Ditandatangani oleh CDO atau pegawai lain yang diberi tanggungjawab)

Tandatangan :

Nama dan Jawatan :
(Sertakan cop rasmi)

Tarikh :

